

Ruj. Kami : ANM.PK.D/600-2/5 Jld.2 (59)
Tarikh : 15 November 2023

Semua Ketua Jabatan Persekutuan /
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**TARIKH *CUT-OFF* BAGI PENERIMAAN BORANG WUJUD/ BATAL/ KEMASKINI
AKAUN PUKAL DAN PENGELUARAN WPUA/ TIKET PENERBANGAN OLEH
MALAYSIA AIRLINES BERHAD**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, pihak Malaysia Airlines Berhad (MAB) akan menukar sistem perakaunan yang sedia ada (SAP ECC) ke sistem baharu iaitu SAP S4HANA. Terdapat beberapa aktiviti yang akan terlibat sepanjang tempoh proses penukaran sistem tersebut termasuklah penerimaan borang wujud, batal dan kemaskini akaun pukal (Kew.310E – Pin.1/2016).

3. Bagi melancarkan proses tersebut, sebarang aktiviti yang melibatkan **pengwujudan, pembatalan dan kemaskini** akaun pukal hendaklah diselesaikan selewat-lewatnya pada **30 November 2023**. Sistem baharu MAB SAP 4HANA akan berada di dalam '*blackout period*' bermula 1 Januari 2024 sehingga 14 Januari 2024. Pada tempoh tersebut, Jabatan perlu menggunakan WPUA Bukan Pukal bagi pengeluaran tiket MAB melalui agensi pengembaraan. Pengeluaran WPUA *online* dan *offline* boleh diakses semula pada 15 Januari 2024.

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA
JANM NEGERI PERAK**